

## Tawar menawar di dalam Akidah

*Bismi Allāh al-Raḥmān al-Raḥīm – Qul yā ayyuhā al-kāfirūn. Lā a‘budu mā ta‘budūn. Wa lā antum ‘ābidūna mā a‘bud.*

*Wa lā anā ‘ābidun mā ‘abadtum. Wa lā antum ‘ābidūna mā a‘bud lakum dīnukum wa līya dīn.*

Ertinya: Dengan nama Allah, Tuhan Yang Pemurah lagi Penyayang, katalah: “Hai orang-orang kafir! Aku tidak sembah apa yang kamu sembah, dan tidak pula kamu sembah apa yang aku sembah. Dan aku bukan menyembah sebagaimana cara kamu menyembah. Dan kamu juga bukan penyembah sebagaimana aku menyembah. Bagi kamulah agama kamu dan bagikulah agamaku.”

(Oleh: al-Ustaz Hasan Salleh, Pensyarah Kolej Islam)

Junjungan kita Nabī Muḥammad *sallā Allāh ‘alayhi wasallam* sedar akan bebanan yang berat yang diamanahkan oleh Allah *subḥānahu wa ta’ālā* kepadanya untuk memimpin manusia kepada jalan yang benar, jalan yang boleh menjamin manusia untuk hidup aman damai di dunia dan akhirat. Seruan ini mendapat sokongan daripada orang yang gemar kepada kebenaran dan cinta kepada perdamaian! Sebaliknya seruan beliau ditentang pula oleh orang yang gelap mata hati, yang tidak mahu tunduk kepada kebenaran!

Mereka yang degil itu kadang-kadang menawar harta kepada Nabī, supaya jangan meneruskan tugasnya, ujar Nabī, aku bukan mahu harta, Tuhan jua yang kaya! Kadang-kadang mereka menawar kuasa dan kedaulatan, ujar Nabī, kemuliaan dan ketinggian itu tertentu bagi Allah jua!!

Yang ia mahu hanya kebenaran, dan cita-citanya yang tinggi ialah untuk menegakkan keadilan dan supaya manusia sekalian percaya kepada Tuhan yang menjadikan dan memberi rezeki kepada mereka.

Sikap baginda yang tegas dan cekal ini sangat dikhuatiri oleh bapa saudaranya Abu Ṭālib, takut-takut

menjadi sesuatu keruhan terhadap hidup

Nabī Muḥammad (*sallā Allāh ‘alayhi wasallam*) sendiri, dan iapun cuba memujuk Nabī supaya jangan meneruskan dakwahnya, atau sekurang-kurangnya menurut separuh kemahuan orang-orang kafir. Lantas Nabī menjawab “Hai bapaku kalau mereka itu meletakkan matahari di kananku dan bulan di kiriku supaya aku meninggalkan seruan ini, aku tidak akan tinggalkan, atau aku mati kerananya.”.

Ini satu pengajaran besar daripada Rasulullah kepada pejuang-pejuang, pemimpin-pemimpin supaya mereka tetap di atas kebenaran, tetap di atas satu sikap, walau apa-apa sekalipun. Cuba lihat pemimpin-pemimpin yang berjaya semenjak Nabī sampai sekarang ini, ialah mereka yang tegas, mereka yang memperjuangkan dengan jujur dan ikhlas, mereka yang tahan menerima penghinaan kerana kebenaran. Pemimpin-pemimpin yang lekas patah jiwanya, atau lekas tersinggung perasaannya tidak berjaya.

Ayat yang di atas tadi, hanya beberapa kerat sahaja, tetapi mengandungi makna atau erti kata yang sangat dalam, ayat ini menggambarkan tawar-menawar di antara kaum kafir Quraisy terhadap Nabī, tetapi Nabī tidak berganjak

barang setapak pun daripada sikapnya yang tegas, lantas dijawabnya dengan kata yang putus “Bagi kamulah agama kamu, dan bagiku agamaku.”


Di dalam ayat ini kita dapat mengeluarkan pati-pati atau inti sari yang penting:

- 1) Orang yang kafir, yang mengetahui kebenaran tetapi tidak mahu tunduk kepada kebenaran, mereka itu selain daripada kufur, mereka bersifat munafik pula. Jadi orang yang sebagai ini memang ada pada tiap-tiap masa dan keturunan iaitu orang yang tahu benar tetapi tidak mahu ikut.
- 2) Orang-orang yang munafik seperti ini tidak ada berfaedah berbicara atau berunding, sebab mereka telah tahu kebenaran hanya berdegil sahaja. Orang yang berdegil itu tidak bijak kita berbicara.
- 3) Tawar-menawar itu tidak harus di atas kebenaran, seperti hendak meruntuh atau mengurangkan hak-hak yang telah diakui. Tetapi tawar menawar dalam perniagaan meminta kurangkan harga itu, tidak mengapa.
- 4) Kerosakan itu akan tiba pada sebuah kerajaan yang dipimpin oleh pengarah-pengarah yang tidak mempunyai kepercayaan atau akidah, ramai pemimpin-pemimpin yang bijak pandai pada masa sekarang ini, tetapi susah kita mendapat pemimpin yang benar-benar percaya di atas sesuatu kebenaran. Kalau sesuatu negara di bawah pemimpin orang yang semacam ini sudah barang tentu rakyatnya berpecah, berselisih, akhirnya mereka bertikai satu sama lain. Pertikaian ini lambat-launnya akan meruntuhkan kerajaan itu sendiri.

Pemerintah yang tidak mempunyai akidah seperti orang musafir yang tiada mempunyai bekal, atau seperti orang yang berjalan di dalam gelap yang tiada mempunyai pemandu. Orang-orang

ini tidak harus menjadi pemimpin atau penganjur kerana akidah lebih penting daripada lain soal seperti soal ekonomi, politik dan sosial. Orang yang tidak percaya kepada Tuhan yang Maha Esa tidak mempunyai jiwa yang tenteram.

Beriman dengan Allah ialah yang mengajarkan beriman dengan hak-hak kebangsaan, hak-hak rakyat atau penduduk, seterusnya hak-hak kemanusiaan. Ayat yang di atas memberi gambaran yang tepat tentang soal akidah dan soal memperjuangkan kebenaran janganlah lengah lagi daripada berjuang. Berjuanglah bermati-matian sehingga kebenaran itu meliputi alam ini, sehingga tegaklah keadilan di antara manusia, sekianlah *wa bi Allāhi tawfiq.*



Ubat beranak yang mahsyur ini sangat digemari oleh ibu-ibu yang beranak di serata Tanah Melayu, Sarawak, Brunei dan Siam.

Dengan menggunakan ubat ini **tak payah berdiang – tak payah bersalai**, badan sentiasa sihat dan segar.

**Sekotak \$15.50 cukup untuk penggunaan<sup>1</sup> sekali beranak. Tambah belanja pos 60 sen.**

**YAHYA ARIFF**

37, Jalan Kangsar, Kuala Kangsar.

<sup>1</sup> penggunaan